BERITA HARIAN, JUMAAT, 12 FEBRUARI, 1982

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Bandar T-Razak gambaran keselaan

MEMBINA DUNIA ESOK

Oleh ASARI IBRAHIM

BANDAR Tun Razak, dulunya Kampung Konggo, kelihatan tenang di waktu petang. Berbeza dengan kawasan-kawasan perbandaran baru di sekitar Kuala Lumpur.

Bandar yang baru sahaja dilahirkan sempena Hari Wilayah Persekutuan 1 Februari lepas masih sesunti seorang dara. Di sana tidak ada kesesakan lalulintas. Tidak keriuhan dan juga tidak ada 'kesombongan'.

Suasana harmoni benar-benar dapat kami rasai ketika ke sana petang Rabu lalu. Dari persimpangan Jalan Cheras, kira-kira tujuh kilometer dari pusat bandar Kuala Lumpur, kami menyusur perlahan. Cuaca mendung petang itu tambah menyamankan keadaan.

Sementara saya memandu, rakan jurugambar sibuk memutarkan lensa kameranya. Di kiri-kanan jalan yang baru diturap itu, berbaris pohon-pohon yang masih muda. Kawasan-kawasan tanah lombong dan bekas lombong akan ditandakan projek yang akan dibangunkan.

Antaranya, sebuah pusat sivik, pusat rekreasi dan sebuah taman tasik. Kesemuanya dirapi dapat dilaksanakan menjelang akhir Rancangan Malaysia Kelima.

Sekiranya pelaksanaan Bandar Tun Razak berjalan seperti yang dirancang, sudah pasti ia akan menjadi bandar kebanggaan perancang dan penduduk di situ.

Sewa

Bandar yang dibina atas kawasan bekas lombong dan hutan yang pada suatu ketika dahulu didiami setinggan akan menjadi kawasan perumahan golongan berpendapatan rendah dan menengah yang termoden, lengkap dengan berbagai kemudahan infrastruktur.

Berbeza dengan kawasan perumahan swasta Taman Midah yang berhampiran, rumah-rumah di situ kebanyakannya jenis teres dua bilik yang berbaris rapi. Tidak jauh dari kawasan rumah teres itu, terletak kawasan rumah-rumah pangsa empat tingkat yang juga berharga murah.

Kami menghampiri salah sebuah rumah pangsa berbilik satu di situ. Di bahagian bawah, beberapa orang anak muda yang baru pulang dari kerja sedang bermain sepak takraw. Tidak jauh dari situ, anak-anak kecil pula bermain badminton dengan riang.

Kami mengetuk salah sebuah rumah di situ. Seorang ibu dalam lingkungan umur awal 30an membuka pintu.

"Abang ada di rumah," tegur saya.

"Abang belum balik," jawabnya.

"Kami dari Berita Harian kak. Kami ingin tahu kehidupan di sini. Tetapi kalau abang tak ada tak apalah," ujar saya lagi.

"Oh! Ia menganggok sambil mengucapkan terima kasih. Saya tersenyum kagum. Sepatutnya kami yang harus mengucapkan terima kasih kepadanya.

Kami kemudian ke tingkat tiga, ke salah sebuah rumah bujang. Seorang pemuda menjemput kami masuk setelah memperkenalkan diri.

Kamal Hadi namanya dan berumur 21 tahun. Ia baru sahaja pulang dari pejabatnya di Wisma Boustead di Kuala Lumpur.

Kamal memberitahu, rumah itu disewa oleh nenek dan dua orang sepupunya.

Neneknya dulu tinggal di kawasan setinggan Kampung Malaysia tidak jauh dari situ.

Mereka diarah pindah dan diberi kemudahan menyewa di rumah pangsa itu dengan bayaran $45 sebulan.

Dua orang lagi sepupunya, Mohamad Abral dan Mohamad Yatim keluar 'jogging' di Taman Bunga Kuala Lumpur.

Gerai

Dari rumah pangsa itu, kami menuju ke kawasan gera-gerai makanan yang berdekatan. Kawasan gerai empat segi bujur dengan bangku-bangku makan bulat di tengahnya kelihatan bersih.

Kami ke gerai Encik Hussein Hitam yang berasal dari Melaka itu.

Menurut Encik Hussein, pendapatan kasarnya setiap hari $100 dan selepas ditolak modal dia mendapat untung $20. Dia mula berniaga Oktober tahun lalu.

Katanya, perniagaannya mungkin lebih maju bila kilang-kilang dan kedai-kedai barang di kawasan berdekatan dibuka sepenuhnya nanti.

Gerai makan Encik Hussein disewa dari Dewan Bandaraya dengan bayaran $40 sebulan.

Sedang kami berbual rancak, tiba-tiba mencelah seorang pemuda yang kemudian kami kenali adalah salah seorang dari penjaga di situ.

"Encik, saya ingin buat komplen. Kedai saya dan enam kedai yang lain tidak dapat api. Kami dah bayar deposit $50 lebih dari setahun, tetapi sehingga sekarang kami tidak dapat api. Jadi terpaksalah saya menumpang karan dari kedai rakan saya," jelasnya.

Dari apa yang kami amati, kesemua 24 gerai di situ mungkin menjadi punca rezki pengunahnya bila projek Bandar Tun Razak itu siap sepenunya menjelang tahun 1986 nanti.

Pendapatan

Kini hasil projek gerai itu boleh dilihat. Pemuda yang saya sangka muda itu, rupa-rupanya sudah menjangkau 33 tahun. Mohamad Nor Kasiran menolak pelawaan naik kereta saya untuk ke rumah Ketua UMNO cawangan Kampung Konggo, Encik Othman Zakaria ketika ia menyanggupi membawa saya ke sana.

Ia rupa-rupanya mempunyai sebuah kereta Volvo 144.

Di sudut sebatang jalan, kereta Volvo bewarna cokelat itu berhenti di sebelah sebuah Mercedes biru muda. Saya turut memberhentikan kereta.

"Ini rumahnya, encik," ujar Mohamad Nor.

Di ruang rihat, rumah berpagar batu merah itu, duduk dua orang lelaki sedang berbual-bual. Perbualan mereka terhenti apabila melihat kami. Seorang darinya yang kelihatan dalam lingkungan umur 50an mempersilakan kami masuk. Saya kira, ia tentulah Encik Othman dan tekaan saya tepat.

Sebagai Ketua UMNO, tidaklah hairan sekiranya Encik Othman yang berkacamata itu petah bercakap. Bekas seorang pegawai bank itu rupa-rupanya kini seorang pembekal makanan di hotel-hotel di ibu kota dengan pendapatan kasar tahunan kira-kira $100,000.

"Itu pendapatan kasar tahunan. Tetapi gaji bulanan saya tidaklah sebanyak yang disangka," ujarnya. Bagaimanapun setelah dipujuk, ia memberitahu, gajinya kira-kira $5,000 sebulan.

"Saya sebenarnya berkongsi berniaga dengan seorang Cina," jelasnya.

Kami berbual rancak, menyentuh dari sejarah Kampung Konggo sehinggalah kepada perjuangan UMNO cawangannya tanpa disedari minuman serta sepiring kuih rengas terhidang di depan kami.

Encik Othman bergiat dalam UMNO lebih 14 tahun lalu.

Nafi

"Saya kira kampung ini mula dibina di akhir tahun 50an atau awal 60an. Pada waktu itu, angkatan tentera kita dihantar ke Konggo di bawah bendera Bangsa-bangsa Bersatu untuk mententeramkan keadaan di sana.

"Dan sempena dengan itu, penduduk-penduduk di sini menamakan kampung ini Kampung Konggo," jelasnya.

Beliau menafikan kononnya terdapat beberapa pengasas kampung yang pernah berkhidmat di Konggo. "Memang terdapat askar di sini dan kalau adapun mungkin seorang dua sekembali mereka dari Konggo".

Beliau berbangga projek yang dilihamkan oleh Allahyarham Tun Razak kini menjadi kenyataan setelah menghadapi banyak cabaran.

"Saya sendiri pernah masuk lokap kerana soal tanah sewaktu 13 Mei. Saya dituduh menggelapkan wang yang dikutip dari orang ramai untuk membiayai kerja-kerja mengukur tanah," katanya.

Bagaimanapun, beliau dibebaskan selepas tiga hari ditahan kerana tidak bersalah.

Katanya, berikutan dari kejadian itu, beliau dan beberapa orang ahli jawatankuasa UMNO kampung telah menemui Datuk Harun dan kemudian Tun Razak.

"Tun Razak pada tahun 1969 pernah mengisytiharkan hendak menjadikan Kampung Konggo sebagai sebuah perkampungan Melayu. Alhamdulillah, Kampung Konggo bukan sahaja menjadi sebuah kampung, bahkan sebuah bandar satelit moden," ujarnya.

Ketika menceritakan mengenai kesulitan-kesulitan yang dihadapi sewaktu mula-mula berpindah dahulu, Encik Othman berkata: "Masalah yang paling susah diatasi ialah masalah memujuk penduduk untuk berpindah.

"Mereka enggan pindah kononnya rumah-rumah di situ tidak mempunyai pintu belakang dan macam-macam lagi. Tetapi yang paling susah ialah kerana pendapatan mereka kecil. Mereka takut tidak dapat membayar harga rumah sebanyak $13,000," katanya.

"Maklumlah, ramai yang bekerja sebagai pemandu, buruh dan lain-lain pekerjaan yang bergaji rendah," tambahnya.

"Saya pernah menjadi orang tengah memujuk penduduk antara kawasan Bukit A, B dan C supaya berpindah dan nyaris-nyaris kena kapak. Akhirnya dengan sokongan lebih lebih 90 peratus dari kaum ibu, kami berpindah".

Lumayan

Sejak mereka berpindah kira-kira dalam tahun 1977, keadaan telah berubah. Penduduk-penduduk di situ kini berpendapatan lebih lumayan.

"Kalau dahulu, setiap keluarga berpendapatan kurang dari $200 kini pendapatan mereka telah berganda. Purata mereka berpendapatan $550 sebulan. Kini anak-anak mereka sudah bekerja dan boleh membantu mereka," jelasnya.

Hakikat ini, boleh kita lihat. Rumah-rumah di situ telah banyak ditambah. Kita juga akan melihat kereta-kereta dibetak di tepi jalan di hadapan rumah. Itu tanda kemajuan.

Mengenai nilai-nilai kemasyarakatan di kawasannya, Encik Othman memberitahu nilai-nilai seperti hidup berjiran, bergotong-royong terutama di waktu kecemasan dan kenduri-kendara masih dilakukan.

"Kami mempunyai jawatankuasa-jawatankuasa kampung yang bertanggungjawab ke atas masalah keselamatan, kelas KEMAS, tadika dan lain-lain lagi.

"Alhamdulillah, dengan semangat kerjasama kami berjaya mendirikan sebuah madrasah berharga $50,000 tanpa bantuan sesiapa," jelasnya.

Madrasah tersebut dijadikan sebagai pusat kegiatan masyarakat seperti kelas Tadika, KEMAS dan dewan berkumpul.

Semangat 'kekampungan' yang wujud di kalangan penduduk Bandar Tun Razak tidak menghairankan kerana kebanyakan mereka senegeri, sama ada berasal dari Melaka, Negeri Sembilan atau Johor. Mereka juga telah berjiran sebegitu lama sejak sama-sama menjadi setinggan.

Kini menurut Encik Othman, kawasan seluas 407.8 hektar mula didiami oleh kira-kira 10,000 penduduk di mana lebih dari 1,000 orang telahpun menjadi ahli UMNO.

Bila projek pembangunan Bandar Tun Razak siap dilaksanakan sepenuhnya, yang dijangka menampung kira-kira 200,000 penduduk ia akan menjadi bandar contoh kepada pembangunan bandar-bandar satelit lain.

SAAT-saat bersejarah bagi 'Kampung' Konggo. 1 Februari lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membuka tirai di bangunan cawangan pejabat Dewan Bandaraya di situ bagi menandakan kemunculan Bandar Tun Razak.

Gambar dari udara Bandar Tun Razak:
- 1. Cawangan pejabat Dewan Bandaraya.
- 2. Bomba
- 3. Kawasan perindustrian ringan.
- 4. Rumah-rumah kedai.
- 5. Gerai-gerai.
- 6. Gudang.
- 7. Peringkat pembangunan pertama.
- 8. Peringkat pembangunan kedua.
- 9. Kawasan riadah: kawasan taman tasik.